

PM: Media boleh menaik dan jatuhkan pemimpin

An M - 3 OCT 1993

NEW YORK 2 Okt. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, dunia ini telah begitu dikuasai oleh media antarabangsa sehingga menyebabkan mereka mampu menentukan kenaikan dan kejatuhan seseorang pemimpin.

Media antarabangsa ini, menurut Perdana Menteri begitu lantang sekali menggunakan mata pena untuk menulis sebeb-bebasnya mengenai keburukan sesebuah negara termasuklah Malaysia seolah-olah tiada kebaikan yang berlaku di negara itu.

Gergasi media ini, katanya, kini dikuasai oleh beberapa orang tertentu yang mempunyai senjata paling kuat iaitu akhbar dan televisyen untuk memusnahkan sesiapa sahaja yang mereka benci.

Menyatakan demikian ketika berucap di Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) Yang Ke-48 di sini, Dr. Mahathir menegaskan media antarabangsa berpendapat mereka berhak untuk mengetahui apa yang sedang berlaku di seluruh dunia ini dan mendesak supaya dikeluarkan kenyataan akhbar pada setiap penghujung sesuatu rundingan.

Dalam nada yang menyindir, Dr. Mahathir ber-

tanya mengapakah rundingan damai Palestin-Israel yang ditaja oleh Amerika gagal?

Katanya sebahagian daripada jawapan tersebut boleh dicari dalam kenyataan akhbar tetapi rundingan damai yang dibuat secara rahsia di Norway berjaya kerana tiadanya spekulasi bukan-bukan yang dilakukan oleh akhbar.

Perlu tahu

Beliau bertanya lagi; "Apakah kita semua perlu tahu setiap terperinci dalam setiap rundingan? Perlukah rakyat Palestin terus dibunuh dan tidak berumah hanya kerana semua orang perlu tahu apa yang dikatakan oleh orang lain?"

"Sebenarnya hak untuk mendapatkan maklumat ini adalah satu ciptaan oleh mereka yang mahu membuat duit daripada industri maklumat.

"Jangan silap... mereka yang menguasai media menguasai fikiran kita malahan mungkin me-

nguasai dunia sehinggalah Presiden boleh dilahirkan atau dijatuhkan oleh mereka.

"Mereka kini menguasai rangkaian televisyen di seluruh dunia dan hari ini mereka menyiarkan berita yang berat sebelah dan keesokan harinya pula menayang cerita-cerita lucu untuk merosakkan fikiran anak-anak. Mereka telahpun melakukannya di Eropah," kata Dr. Mahathir.

Kerana negara kecil seperti Malaysia, kata Perdana Menteri enggan memberikan hak penerimaan rangkaian televisyen antarabangsa, ia menjadi sasaran sebagai sebuah negara tidak demokratik.

Dr. Mahathir berkata, Malaysia percaya kepada kebebasan akhbar tetapi kebebasan itu sebagaimana pula kebebasan yang lain mestilah disusuli oleh tanggungjawab. — *Utusan*.



ROZAID ABDUL RAHMAN

Melaporkan dari
NEW YORK